

BH Ahad diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 11, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur

# MukaSepuluh

E-mel: btrencana@bh.com.my

## Buka lembaran sejarah bongkar budaya toleransi

**Dari Kaca Mata**



**Prof Madya Dr Nazri Muslim**  
Pusat Cina, Universiti Kebangsaan Malaysia

Berdasarkan Global Peace Index 2019, Malaysia tersenarai antara negara paling aman, iaitu di tempat ke-16. Indeks ini meningkat dari tangga ke-30 pada 2017 dan tangga ke-25 pada 2018.

Ini memujukkan Malaysia negara aman walaupun terdiri pelbagai etnik, bahasa, budaya dan agama pada mata dunia. Ia secara tidak langsung menggambarkan rakyat Malaysia mempunyai sikap toleransi tinggi.

Namun, persepsi umum mutakhir ini, rakyat Malaysia seolah-olah berada dalam keadaan berkonflik.

Semangat perpaduan semakin longgar dan budaya toleransi semakin menipis. Rasa curiga-mencurigai semakin menelak. Orang Melayu seperti memandang etnik Cina sebagai setera dan etnik Cina pula beranggapan Melayu bersikap etnosentris, iaitu etnik unggul dan tidak boleh bertoleransi dengan etnik lain.

Justeru, mari kita buka lembaran sejarah negara untuk melihat bagaimana budaya toleransi ini berkembang mekar dalam hati rakyat dan pemimpin terdahulu, yang sewajarnya menjadi contoh bagi rakyat Malaysia hari ini.

Sewaktu pemilihan calon dalam Pilihan Raya Persekutuan pada 1955, Perikatan membuat pertimbangan mengenai dua perkara - perhitungan perkauman dan keharmonian perkauman.

Atas perhitungan keharmonian antara kaum, 17 daripada 52 calon Perikatan ialah bukan Melayu walaupun pada hakikatnya dua sahaja kawasan pilihan raya yang pengundinya bukan Melayu menjadi majoriti.

Jelas, Perikatan percaya kepada corak berfikir dan cara mengundi tidak berbau perkauman di 15 kawasan pilihan raya.

Satu perkara menarik ketika pilihan raya itu adalah menolak sikap perkauman orang Melayu.

Kalau orang Melayu bersikap perkauman, mereka boleh menabuhkan kerajaan Melayu dan menggubal satu Perlembagaan bagi Tanah Melayu merdeka.

Pastinya Perlembagaan itu akan menjamin kekuasaan orang Melayu dengan cara berterusan. Ini kerana Majlis Perundangan Persekutuan mempunyai 98 ahli - 52 daripadanya dipilih dan 46 lagi dilantik.

Daripada 46 ahli dilantik, lima dicalonkan parti politik yang mendapat majoriti dalam pilihan raya.

Dalam pilihan raya 1955, pengundi Melayu majoriti meliputi 50 daripada 52 kawasan pilihan raya, kerana 84 peratus adalah pengundi Melayu daripada pengundi seluruh negara. Selain itu, sembilan daripada 46 ahli dilantik terdiri daripada Melayu, iaitu sembilan menteri besar.

Oleh itu, jika orang Melayu bersikap perkauman, mereka boleh memenangi 50 kerusi dipertandingan dan boleh mencalonkan lima lagi ahli Melayu daripada 46 ahli Melayu akan mendapat 65 ahli termasuk seorang wakil Orang Asli, lebih dua pertiga daripada jumlah ahli dalam Majlis Perundangan.

Ini bermakna orang Melayu mempunyai cukup majoriti untuk meminda atau menggubal Perlembagaan baharu yang menguntungkan Melayu.

Namun, orang Melayu tidak menggunakan peluang itu demi kepentingan perhubungan dan perpaduan antara etnik. Pengorbanan dibuat orang Melayu pada masa itu sangat besar, sekali gus mendorong semangat toleransi antara etnik.

Semangat toleransi, rela berkongsi kuasa, sedia berkorban dan persefahaman itu ditegaskan Tunku Abdul Rahman:

"Orang Melayu sedia memberikan hak munasabah dan patut kepada orang bukan Melayu. Orang Melayu memberikan pengorbanan yang begitu banyak daripada hak sebagai Bumiputera Tanah Melayu kepada bangsa bukan Melayu.

"Belum ada satu bangsa anak negeri yang berbuai sebegitu banyak seperti yang diperbuat orang Melayu. Sungguhpun ada jaminan hak istimewa orang Melayu dalam perjanjian Persekutuan, te-



Sikap toleransi yang tinggi antara kaum menjadikan negara kita tersenarai antara negara paling aman di dunia. (Foto: ihsan)

tapi ini tidak selalu-kali menegah dan menyekat bangsa yang bukan Melayu daripada mencapai kesenangan dan kejayaan dan lagi sehingga sekarang hak istimewa Melayu masih belum lagi menghasilkan keadaan setaraf antara orang Melayu dengan bukan Melayu," katanya.

Semangat itu juga diakui dan diiktiraf pemimpin bukan Melayu seperti dikatakan T H Tan:

"Mereka dengan penuh rela me-

**Mari kita buka lembaran sejarah negara untuk melihat bagaimana budaya toleransi ini berkembang mekar dalam hati rakyat dan pemimpin terdahulu, yang sewajarnya menjadi contoh bagi rakyat Malaysia hari ini.**

nyokong calon Parti Perikatan berbangsa Cina dan India. Bukan sahaja mereka melepaskan kerusi yang tidak syak lagi boleh menjadi milik mereka, malah mereka bekerja keras, sedaya upaya untuk calon Cina dan India.

"Dan amat membanggakan, tidak satu pun calon Cina dan India, 17 kesemua yang hilang kerusi mereka. Saya menyanjung pemimpin UMNO yang membuat pengorbanan ini dan memberikan sambutan yang tidak ternilai kepada usaha kemerdekaan Tanah Melayu," katanya.

Berkenaan kedudukan istimewa orang Melayu, Tan Siew Sin menyatakan di dalam Majlis Persekutuan 10 Julai 1957 iaitu:

"Prinsip kedudukan istimewa orang Melayu telah selama ini termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

"Oleh itu, orang Melayu tidak akan dijangka melepaskan apa yang telah mereka miliki, serupa juga dengan sebagaimana mereka tidak menjangka kelompok masyarakat lain melepaskan hak-huk mereka yang sedia ada," katanya.

Mengenai bahasa Melayu pula, sekali lagi Siew Sin dalam majlis

sama menegaskan, masyarakat bukan Melayu menaruh harapan yang besar terhadap kebudayaan dan bahasa mereka. Biar saya nyatakan, sebagai contoh, Perlembagaan Reid sebagaimana rangka awalnya tidak menyebut apa-apa mengenai mengekal dan mengembang bahasa Cina dan Tamil atsupun bahasa-bahasa lain.

"Apabila dicadangkan kepada pemimpin Melayu bahawa Perlembagaan sepatutnya dengan eksplisit menyatakan pengekal dan perkembangan kedua-dua bahasa Cina dan Tamil hendaklah digalakkan dan dipelihara, mereka bersetuju.

"Saya sebutkan kejadian ini untuk menunjukkan kepada mereka di luar bulatan, bahawa pemimpin Melayu pada dasarnya adalah adil dan berpandangan luas," katanya.

Inilah budaya toleransi yang dilakukan pemimpin terdahulu yang meletakkan kepentingan negara melebihi peribadi dan etnik sendiri, demi keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Toleransi inilah yang perlu diteladati oleh segenap lapisan masyarakat pada hari ini.